

ARKIB : 24/10/2013

30 guru sertai kursus pendidikan luar bilik darjah



Sekumpulan Guru Penolong Kanan Kokurikulum sekolah rendah menunjuk cara memasak daging dan nasi menggunakan buluh dalam kegiatan luar anjuran Institut Aminuddin Baki (IAB) di Tok Bali, Pasir Puteh, semalam.

PASIR PUTEH 23 Okt. - Memasak daging rusa dan nasi dalam buluh bagi mengantikan periuk atau ketuhar adalah antara tarikan kepada 30 guru Penolong Kanan Kokurikulum sepanjang menjalani kursus pendidikan luar bilik darjah yang diadakan di Terusan Semerak, Tok Bali, di sini hari ini.

Aktiviti itu adalah sebahagian daripada pengisian Kursus Pengurusan Strategik dan Peningkatan Profesional Guru Penolong Kanan Kokurikulum anjuran Institut Aminuddin Baki Wilayah Timur selama seminggu sejak 20 Oktober lalu.

Pengurus program berkenaan, Jasmi Ismail berkata, aktiviti memasak menggunakan buluh dan kayu api boleh dijadikan ilmu untuk diajar kepada pelajar ketika berhemah.

Katanya, pendidikan luar bilik darjah menerusi aktiviti kokurikulum memerlukan kepakaran guru untuk menyampaikan ilmu pengetahuan dan kemahiran yang luas kerana perkara tersebut tidak diajar di dalam bilik darjah.

"Dalam konteks ini penolong kanan selaku pentadbir dalam pengurusan yang berkaitan juga perlu memiliki pelbagai kemahiran dan ilmu ikhtiar hidup yang sememangnya membangkitkan minat murid untuk belajar ketika menjalankan aktiviti di luar bilik darjah.

"Pelbagai kaedah memasak bagi menghadapi situasi darurat seharusnya didedahkan sebagai ilmu yang amat berharga kepada pelajar. Bukan setakat teori dan tunjuk cara tetapi memberi peluang kepada mereka untuk mencubanya," katanya ketika ditemui pada program tersebut.

Jasmi berkata, selain aktiviti memasak menggunakan buluh, beberapa kemahiran lain seperti membina tandas segera, menyediakan *sandwich* ringkas, membina khemah dan sebagainya turut dilaksanakan.

Artikel Penuh: http://www.utusan.com.my/utusan/Timur/20131024/wt_04/30-guru-sertai-kursus-pendidikan-luar-bilik-darjah#ixzz2v33poyXC

© Utusan Melayu (M) Bhd